

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 55

Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Popular Bakery bagi bulan April 2016:

Tarikh	Urus niaga
2016 April 1	Memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM5,000 dan tunai di bank RM35,000.
3	Belian kredit RM2,500.
6	Bayaran cek bagi premium insurans bagi kedai RM500.
8	Jual kek dan kuih lain sebanyak RM2,000 secara kredit. Kos barang dijual berjumlah RM1,650.
13	Beli van pada harga RM20,000 dengan cek.
15	Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri RM200.
19	Belian secara cek RM3,150
20	Perabot berharga RM2,500 telah dibeli dengan cek pemilik untuk digunakan dalam perniagaan.
24	Jual separuh daripada inventori pada harga RM3,000 dan menerima cek dari pembeli.
25	Bayar cek RM1,500 kepada seorang akaun belum bayar.
28	Pemilik telah mengeluarkan tunai RM250 untuk membayar yuran sekolah anaknya.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Polular Bakery pada 30 April 2016.